

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[SETIAWANGSA]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tentang kerangka perundangan yang mengawal selia perjalanan 'nominee' di kalangan pemegang saham.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, di bawah undang-undang sekuriti, *nominee* bagi pemegang saham syarikat awam tersenarai hendaklah mematuhi kehendak-kehendak seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 671*], Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Berpusat) 1991 [*Akta 453*] dan juga Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*].

Antara lain, sesuatu *nominee* hendaklah mematuhi kehendak bagi memastikan identiti pemilik sebenar (*end beneficiary/beneficial owner*) melalui proses kenali pelanggan anda (*know your client*) dan juga memastikan maklumat dan rekod berkaitan pemilik sebenar hendaklah disimpan dengan teratur.

Selain itu, pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia juga boleh meminta kepada sesuatu *nominee* untuk menzahirkan, sekiranya perlu, maklumat mengenai pemilik sebenar saham-saham tersebut. Namun, ini adalah terhad kepada jenis-jenis penzahiran yang dibenarkan sahaja seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 45 Akta 453.

Sekian, terima kasih.